



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
{OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)  
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH  
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA}  
ARAS 12, BLOK E7, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

No. Tel : 03-8883 2544  
No. Fax : 03-8889 5601

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Operasi Penguatkuasaan  
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Siri 1/2013  
'Ops Basuh' : Operasi Larangan Penjualan Rokok Di Bawah Harga  
Minimum Rokok Dan Rokok Tanpa Amaran Kesihatan Bergambar**

Pada 29 dan 30 Januari 2013, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004** peringkat Kebangsaan yang pertama bagi tahun 2013. Operasi bertema '**Ops Basuh**' ini merupakan lanjutan siri operasi '**Ops Basuh**' semenjak tahun 2010, 2011 dan 2012, bagi menguatkuasakan peraturan larangan penjualan rokok di bawah **Harga Minimum Rokok** yang ditetapkan oleh Kerajaan dan larangan penjualan **rokok tanpa amaran kesihatan bergambar**. Operasi ini ditujukan kepada para peniaga yang menjual rokok dengan harga di bawah **RM 7.00** sepaket dan **rokok tidak sah**.

Daripada **2,759** buah premis jualan rokok yang telah diperiksa di seluruh negara, sejumlah **157** buah kedai telah didapati melakukan kesalahan iaitu **122** buah kedai didapati melakukan kesalahan menjual rokok di bawah **Harga Minimum Rokok** manakala **35** buah kedai didapati menjual **rokok tidak sah**. Sejumlah **157** notis kesalahan telah dikeluarkan dalam operasi ini dan sejumlah **6527** paket rokok telah disita daripada pekedai-pekedai yang melakukan kedua-dua kesalahan tersebut yang membawa kepada nilai pasaran berjumlah **RM 19,581.00**.

Daripada jumlah pekedai-pekedai yang dikenakan tindakan penguatkuasaan tersebut, seramai **122 orang peniaga** telah dikenakan **kompaun minimum RM 500.00** setiap orang di atas kesalahan

menjual rokok dengan harga di bawah daripada **Harga Minimum Rokok** dan jumlah nilai kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak **RM 61,000.00**. Disamping itu, sebanyak **4241** paket rokok dengan jumlah nilai pasaran sebanyak **RM 12,723.00** telah juga disita daripada kedai-kedai tersebut yang melakukan kesalahan menjual rokok dengan harga di bawah **RM 7.00** sepaket.

Manakala daripada jumlah **35 orang peniaga** yang telah diberi notis kesalahan kerana menjual **rokok tidak sah**, peniaga-peniaga tersebut akan **didakwa di mahkamah** dan sekiranya didapati bersalah, mereka boleh **didenda** tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau **dipenjara** selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Sebanyak **2286** paket rokok tidak sah dengan nilai pasaran sebanyak **RM 6,858.00** juga telah disita daripada kedai-kedai tersebut yang didapati bersalah menjual **rokok tidak sah** yang tidak dicetak **Amaran Kesihatan Bergambar**. Pecahan hasil operasi untuk 'Ops Basuh' adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kementerian Kesihatan Malaysia memberi amaran keras dan memohon kerjasama para peniaga agar mematuhi **Harga Minimum Rokok** dan tidak menjual **rokok tidak sah**. Kementerian Kesihatan akan meneruskan operasi penguatkuasaan di seluruh negara dari semasa ke semasa bagi membendung penjualan rokok di bawah Harga Minimum Rokok dan rokok tidak sah demi melindungi kesihatan orang awam serta meningkatkan kesedaran orang awam dan para peniaga tentang peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Orang ramai yang ingin membuat laporan tentang kesalahan penjualan rokok atau kesalahan merokok boleh menghubungi talian Infoline KKM 03-88834400 atau mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran.

Sekian, terima kasih

**(DATUK DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN)**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

06 Februari 2013

**HASIL OPERASI PENGUATKUASAAN PPKHT 2004  
'OPS BASUH' : OPERASI LARANGAN PENJUALAN ROKOK DI  
BAWAH HARGA MINIMUM ROKOK DAN JUALAN ROKOK TANPA  
AMARAN KESIHATAN BERGAMBAR (ROKOK TIDAK SAH)**

Hasil Operasi 'OPS BASUH' ( 29 – 30 Januari 2013 )	Jumlah
Jumlah Premis Menjual Rokok Yang Diperiksa	2,759
Jumlah Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan	157
Pecahan Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 8D – Menjual rokok dengan harga di bawah daripada <b>Harga Minimum Rokok</b>	122
Pecahan Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 15(1) – Menjual paket rokok tanpa cetakan Amaran Kesihatan Bergambar ( <b>Rokok Tidak Sah</b> )	35
Kesalahan Menjual Rokok Dengan Harga Di Bawah Daripada <b>Harga Minimum Rokok</b>	Jumlah
Jumlah Pекedai Yang Dikompaun Kerana Menjual rokok dengan harga di bawah daripada <b>Harga Minimum Rokok</b>	122 orang
Jumlah Nilai Kompaun Dikeluarkan	RM 61,000.00
Jumlah Paket Rokok Disita / Nilai Pasaran	4241 paket / RM 12,723.00
Kesalahan Menjual <b>Rokok Tidak Sah</b>	Jumlah
Jumlah Pекedai Yang Didakwa Di Mahkamah Kerana Menjual <b>Rokok Tidak Sah</b> (paket rokok tanpa cetakan Amaran Kesihatan Bergambar)	35 orang
Jumlah Paket Rokok Disita / Nilai Pasaran	2286 paket / RM 6,858.00